



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KAYU JATI HAMPPIR RM2J DARI MYANMAR DIRAMPAS, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	SEPTUAGENARIAN CLAIMS TRIAL TO ABUSING CAT, NEWS IN BRIEF, NST -12 PESARA MENGAJU TIDAK BERSALAH CEDERAKAN KUCING JIRAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23 PENEMBAK KUCING NAIK MAHKAMAH, NEGARA, KOSMO -14 WARGA EMAS DIDAKWA CEDERAKAN KUCING JIRAN, DALAM NEGERI, UM -32 LELAKI CEDERAKAN KUCING JIRAN DIDAKWA, NASIONAL, BH -19 CEDERA KUCING JIRAN, LOKAL, HM -10 26 LADANG BABI BUANG SISA KUMBAHAN DALAM SUNGAI, DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	HARGA SILING BENIH PADI, SISTEM KUPON ATASIMASALAH PESAWAH, NASIONAL, BH -14 MAFI PERKENAL HARGA SILING BENIH PADI, NASIONAL, SH -12 MAFI AKAN PERKENAL HARGA SILING BENIH PADI, UTUSAN BORNEO -ONLINE KEKAL INSENTIF NELAYAN, PERTINGKAT BANTUAN SEDIA ADA, DALAM NEGERI, UM -33 PESAWAH, PETANI MAHU LEBIH BANTUAN, DALAM NEGERI, UM -33 PESAWAH 'GADAI HARTA' MULAKAN PENANAMAN, DALAM NEGERI, UM -29 PESAWAH TIDAK DAPAT TUNTUT GANTI RUGI, DALAM NEGERI, UM -29	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
16.	CELEBRATING WORLD FOOD DAY, AGROBANK, THE STAR -11	AGROBANK
17.	AKTIVITI BERTANI HILANGKAN BOSAN, FORUM, UM -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kayu jati hampir RM2j dari Myanmar dirampas

Batu Pahat: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor mengagalkan cubaan sebuah kapal tongkang untuk membawa masuk muatan kayu jati bernilai RM1,964,636.46 dari Myanmar melalui pintu masuk Batu Pahat, di sini, semalam.

Pengarah MAQIS Johor, Nur Afifah A Rahman, berkata jabatan itu dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia kemudian merampas kayu gergaji seberat 150 tan berkenaan.

"Hasil pemeriksaan pada jam 10 pagi tadi (semalam), pihak MAQIS turut menahan seorang le-

laki tempatan berusia 60-an untuk siasatan lanjut.

"Berdasarkan pemeriksaan, dagangan terbabit didapati menggunakan dokumen yang mengelirukan. Rampasan dagangan itu disita untuk tindakan lanjut.

"Perbuatan menggunakan dokumen mengelirukan adalah kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jika sabit kesalahan, beliau berkata, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.



Kayu jati dari Myanmar yang dirampas pihak MAQIS di pintu masuk Batu Pahat, semalam. (Foto ihsan MAQIS)

Septuagenarian claims trial to abusing cat

KOTA BARU: A 70-year-old government retiree was charged in the Sessions Court here yesterday for shooting and injuring his neighbour's cat with an air rifle. However, the accused Ab Hamid @ Fauzi Ismail, entered a not guilty plea after the charge was read out to him before judge Shahrul Rizal Majid. The accused allegedly committed the offence at Lorong Raja Abdullah, Jalan Pintu Gang, near here, on Aug 17. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	23

Pesara mengaku tidak bersalah cederakan kucing jiran

KOTA BHARU - Seorang pesara kerajaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dakwaan bertindak kejam mencederakan seekor kucing milik jirannya pada Ogos lalu.

Tertuduh, Ab Hamid @ Fauzi Ismail, 70, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Shahrul Rizal Majid. Mengikut pertuduhan, warga emas tersebut didakwa bertindak kejam terhadap seekor kucing sehingga menyebabkan kesakitan terhadap haiwan milik Nur Amalin Aishah Ariffin@Mukhtar, 28.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Lorong Raja Abdullah, Jalan Pintu Gang jam 10.30 malam pada 17 Ogos lalu.

Pendakwaan terhadap tertuduh dibuat mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang sabit kesalahan boleh didenda RM20,000 sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan oleh

Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan, Mohd Sharif Sabran manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Rozihan Othman. Terdahulu, Mohd Sharif mencadangkan ikat jamin sebanyak RM5,000 dikenakan terhadap tertuduh, namun Rozihan memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan terhadap anak guamnya itu dengan alasan tertuduh sudah berusia.

Hakim, Shahrul Rizal kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan tarikh 22 November depan untuk sebutan semula kes.

Tertuduh kemudian membayar wang jaminan itu.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan dua ekor kucing ditembak dipercayai menggunakan pistol angin menyebabkan seekor mati manakala seekor lagi mengalami kecederaan pada telinga kanan.



AB. HAMID diiringi ketuar oleh pegawai veterinar selepas dihidapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.



KUCING yang terselamat selepas ditembak Ab. Hamid.



KERATAN Kosmo! 21 Ogos 2020.

Berdepan hukuman penjara tiga tahun, denda maksimum RM100,000

Penembak kucing naik mahkamah

KOTA BHARU – Tindakan kejam seorang warga emas menembak dua ekor kucing hingga menyebabkan salah seekornya mati mengundang padah apabila dia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Bagaimanapun, Ab. Hamid @ Fauzi Ismail, 70, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid.

Pesara kerajaan itu didakwa menyebabkan kesakitan terhadap seekor kucing milik Nur Amin Aishah Ariffin @ Mukhtar, 28, di sebuah rumah di Lorong Raja Abdullah, Jalan Pintu Gang di sini kira-kira pukul 10.30 malam pada 17 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperun-

tukkan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Hakim Shahrul Rizal kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 selepas mendengar hujahan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Sharif Sabran dan peguam Yayasan Bantuan Guaman Ke-

bangsaan, Rozihan Othman.

Tertuduh membayar ikat jamin itu.

Mahkamah menetapkan 22 November depan untuk sebutan semula kes.

Pada 21 Ogos lalu, Kosmo! melaporkan seorang pesara bertindak kejam dengan menembak dua ekor kucing sehingga menyebabkan seekor nya.

daripadanya mati.

Kejadian tidak berperikemanusiaan itu didakwa dilakukan oleh tertuduh pada 1 Ogos dan 17 Ogos lalu.

Warga emas itu dikatakan bertindak sedemikian selepas berang apabila haiwan peliharaan milik jurangnya itu kerap berkejaran di kawasan rumahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Warga emas didakwa cederakan kucing jiran

KOTA BHARU: Seorang warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dakwaan bertindak kejam terhadap seekor kucing sehingga menyebabkan kecederaan kepada haiwan peliharaan jirannya itu, dua bulan lalu.

Tertuduh, Ab. Hamid @ Fauzi Ismail, 70, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid.

Mengikut pertuduhan, pesara kerajaan itu didakwa dengan kejam menyebabkan kesakitan tidak sepatutnya terhadap seekor kucing milik Nur Amalin Aishah Ariffin @ Mukhtar, 28.

Kesalahan dilakukan di sebuah rumah di Lorong Raja Abdullah, Jalan Pintu Gang di sini kira-kira pukul 10.30 malam, 17 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Sharif Sabran manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Rozihan Othman.

Mohd. Sharif memohon ikat jamin sebanyak RM5,000 dikenakan terhadap tertuduh, namun Rozihan meminta mahkamah menetapkan jaminan yang rendah dengan alasan anak guamnya sudah berusia.

Shahrul Rizal membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan 22 November depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Tertuduh membayar ikat jamin yang ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Lelaki cederakan kucing jiran didakwa

Warga emas tak mengaku salah tembak haiwan peliharaan guna pistol angin

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my



Ab Hamid didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

Kota Bharu: Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan mencederakan seekor kucing milik jirannya.

Tertuduh, Ab Hamid Ismail, 70, membuat pengakuan itu dan memohon dibicarakan sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menyebabkan kesakitan tidak sepatutnya terhadap seekor kucing milik Nur Amalin Aishah Ariffin, secara menembak menggunakan sepucuk pistol angin di

Jalan Pintu Gang pada jam 10.30 malam, 17 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah menetapkan wang jaminan sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin, dan 22

November depan bagi proses serahan dokumen.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Sharif Sabran, manakala tertuduh diwakili peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

Media sebelum ini melaporkan seorang warga emas didakwa tergamak mencederakan seekor kucing dengan menembak haiwan peliharaan jirannya itu menggunakan sepucuk pistol angin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	HARIAN METRO	LOKAL	10

Cedera kucing jiran

Warga emas tidak mengaku salah pertuduhan minta dibicarakan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Seorang warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan kucing milik jirannya.

Tertuduh, Ab Hamid Ismail, 70, bagaimanapun, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Sharif Sabran dan tertuduh diwakili peguam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menyebabkan kesakitan tidak sepatutnya terhadap kucing milik Nur Amalin Aishah Ariffin pada 17 Ogos lalu jam 10.30 malam di Jalah Pintu Gang.

Tertuduh didakwa



TERTUDUH (kiri) diiringi pihak berkuasa di pekarangan mahkamah, semalam. Gambar kecil, kucing yang tercedera.



melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak kurang

RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah menetapkan wang jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin dan 22 November depan bagi proses serahan dokumen.

26 ladang babi buang sisa kumbahan dalam sungai

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediana.com.my

GEORGETOWN: Sebanyak 26 ladang babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor dekat sini dikesan membuang sisa kumbahan secara terus ke dalam Sungai Kreh.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan negeri, Dr. Norlela Ariffin berkata, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBPS) sudah merujuk pemilik ladang babi itu ke mahkamah sementara menunggu Enakmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 dikuatkuasakan tahun depan.

Beliau berkata, menerusi enakmen itu, tindakan perobohan ladang-ladang penternakan babi yang tidak mengikut syarat termasuk membuang sisa ke dalam sungai boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, sementara menunggu penguatkuasaan enakmen berkenaan, pihaknya dengan kerjasama pelbagai agensi mengambil beberapa langkah menyelesaikan masalah pencemaran sungai disebabkan pelepasan kumbahan dari ladang babi terbabit.

"Antaranya adalah bekerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan memasang perangkap di kawasan parit supaya sisa kumbahan ladang babi tidak terus masuk ke dalam sungai.

"Selain itu, kita bekerjasama dengan Indah Water Konsortium (IWK) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk melupuskan sisa pepejal babi termasuk menukarnya bagi industri biogas," katanya ketika mengungguli Bajet 2021 Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini semalam.

Menurut Norlela, menerusi enakmen itu juga, semua pemilik ladang babi perlu menaik taraf ladang mereka kepada ladang tertutup selain memastikan mempunyai keluasan mencukupi untuk membina kolam kumbahan supaya sisa tidak terus dibuang ke dalam sungai.

Setakat ini, ujarnya, hanya



“Menerusi enakmen itu, tindakan perobohan ladang-ladang penternakan babi yang tidak mengikut syarat termasuk membuang sisa ke dalam sungai boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).”

NORLELA ARIFFIN

dua ladang ternakan babi dinaik taraf menjadi ladang tertutup manakala 112 ladang lain sudah memohon lesen dengan Jabatan Veterinar.

"Dalam perbincangan dengan Persatuan Ternakan Babi Pulau Pinang, mereka bersetuju menutup mana-mana ladang babi yang pemiliknya tidak mahu menaik taraf ladang masing-masing.

"Ini kerana jualan babi dari Pulau Pinang mencecah nilai RM125 juta, maka pengusahanya perlu membuat pelaburan untuk menaik taraf ladang ternakan mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	34

Harga siling benih padi, sistem kupon atasi masalah pesawah

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan memperkenalkan harga siling benih padi dan melaksanakan pembelian menerusi sistem kupon.

Menurut kenyataan semalam, langkah diambil selepas kata sepakat dicapai di antara kementerian dan wakil petani dalam sesi dialog yang diadakan bagi mengatasi permasalahan benih padi yang sering dihadapi pesawah.

Kementerian akan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pendedar tunggal benih padi sah terus kepada pesawah.

"Pegedaran dan pembelian benih padi sah ini akan dikawal menerusi sistem yang akan dibangunkan oleh NAFAS secara dalam talian. Oleh itu, pemantauan dan kawal selia dapat dilaksanakan dengan lebih baik," menurut kenyataan itu.

Kementerian berkata, ia juga akan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam penghasilan benih padi sah termasuk pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), syarikat berkaitan kerajaan dan swasta.

"Bagaimanapun, pihak yang akan dilantik nanti tetap dipantau dan dinilai secara teknikal dan kewangan menerusi jawatankuasa yang akan dilantik," katanya.

Kementerian berkata, sebelum ini pesanan benih padi sah dibuat dalam tempoh lima hingga enam bulan sebelum musim penanaman bermula kepada semua pengeluar benih padi sah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Bagaimanapun, ada sebahagian pengeluar tidak dapat membekalkan sepenuhnya sebagaimana yang dipesan berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran semasa, perubahan pesanan pada saat-saat akhir dan sebagainya," menurut kenyataan itu.

Kementerian berkata, walaupun kerajaan menetapkan harga RM28 bagi setiap beg benih padi sah seberat 20 kilogram untuk dijual di pintu kilang pengeluar benih padi sah, terdapat eksploitasi harga oleh ejen atau orang tengah.

Sebuah akhbar melaporkan mengenai kewujudan orang perseorangan yang memanipulasi harga benih padi termasuk menyorokkan stok setiap kali musim penanaman padi.

Individu terbabit dilaporkan bertindak memanipulasi harga serta mengedarkan benih kempit putih yang jauh lebih rendah kualitinya.

BERNAMA

16/10/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

12

MAFI perkenal harga siling benih padi

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperkenalkan harga siling benih padi dan melaksanakannya pembelian menerusi sistem kupon.

MAFI dalam kenyataan semalam berkata, langkah itu diambil selepas kata sepakat dicapai antara Kementerian dan wakil petani dalam sesi dialog yang diadakan bagi mengatasi permasalahan benih padi yang sering dihadapi pesawah.

Menurutnya, MAFI akan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pengedar tunggal benih padi sah terus kepada pesawah.

"Pengedaran dan pembekalan benih padi sah ini akan dikawal menerusi sistem yang akan dibangunkan oleh Nafas secara dalam talian. "Jadi, pemantauan dan kawal selia dapat dilaksanakan dengan lebih baik," menurut kenyataan tersebut.

MAFI berkata, ia juga akan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam penghasilan benih padi sah termasuk pihak Pertubuhan Peladang Kawasannya, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta.

Namun, menurut MAFI, pihak yang akan dilantik kelak tetap di-

pantau dan dinilai secara teknikal dan kewangan menerusi jawatankuasa yang akan dilantik.

"Sebelum ini pesanan benih padi sah dibuat dalam tempoh lima hingga enam bulan sebelum musim penanaman bermula kepada kesemua pengeluar benih padi sah yang dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan.

"Bagaimanapun, ada sebahagian pengeluar tidak dapat membekalkan sepenuhnya sebagaimana yang dipersetujui berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran semasa, perubahan pesanan pada saat-saat akhir dan sebagainya," menurut kenyataan itu lagi.

Selain itu, MAFI berkata, walaupun kerajaan telah menetapkan harga RM28 bagi setiap beg benih padi sah seberat 20 kilogram untuk dijual di pintu kilang pengeluar benih padi sah, terdapat eksploitasi harga oleh ejen atau orang tengah.

Sebuah akhbar sebelum ini melaporkan mengenai kewujudan orang perseorangan yang memanipulasi harga benih padi termasuk menyorokkan stok setiap kali musim penanaman padi.

Individu terbabit dilaporkan bertindak memanipulasi harga dan mengedarkan benih kampil putih yang jauh lebih rendah kualitasnya.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI akan perkenal harga siling benih padi

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperkenalkan harga siling benih padi dan melaksanakan pembelian menerusi sistem kupon.

Menurut kenyataan MAFI semalam, langkah itu diambil selepas kata sepakat dicapai di antara kementerian dan wakil petani dalam sesi dialog yang diadakan bagi mengatasi permasalahan benih padi yang sering dihadapi pesawah.

Menurut kenyataan itu, MAFI akan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pengedar tunggal benih padi sah terus kepada pesawah.

"Pengedaran dan pembekalan benih padi sah ini akan dikawal menerusi sistem yang akan dibangunkan oleh Nafas secara dalam talian. Oleh yang demikian, pemantauan dan kawal selia dapat dilaksanakan dengan lebih baik," demikian menurut kenyataan itu.

MAFI berkata ia juga akan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam penghasilan benih padi sah termasuk pihak Pertubuhan Peladang Kawasan, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta.

"Bagaimanapun, pihak yang akan dilantik kelak tetap dipantau dan dinilai secara teknikal dan kewangan menerusi jawatankuasa yang akan dilantik," kata MAFI.

Menurut MAFI, sebelum ini pesanan benih padi sah dibuat dalam tempoh lima hingga enam bulan sebelum musim penanaman bermula kepada kesemua pengeluar benih padi sah yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan.

"Bagaimanapun, ada sebahagian pengeluar tidak dapat membekalkan sepenuhnya sebagaimana yang dipesan berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran semasa, perubahan pesanan pada saat-saat akhir dan sebagainya," demikian menurut kenyataan itu.

Selain itu, MAFI berkata walaupun kerajaan telah menetapkan harga RM28 bagi setiap beg benih padi sah seberat 20 kilogram untuk dijual di pintu kilang pengeluar benih padi sah, terdapat eksploitasi harga oleh ejen atau orang tengah.

Sebuah akhbar melaporkan mengenai kewujudan orang perseorangan yang memanipulasi harga benih padi termasuk menyorokkan stok setiap kali musim penanaman padi.

Individu terbabit dilaporkan bertindak memanipulasi harga serta mengedarkan benih kampit putih yang jauh lebih rendah kualitinya. — Bernama

16/10/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

S3

Kekal insentif nelayan, pertingkat bantuan sedia ada

KUALA TERENGGANU: Segala insentif dan peruntukan bagi membantu nelayan, petani serta penternak di negara ini diharapkan dapat diteruskan dalam Belanjawan 2021 bagi meningkatkan kualiti kehidupan golongan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), **Mat Yassin Mohamed** berkata, mereka tidak mengharapkan bantuan-bantuan baharu atau tambahan nilai kerana berpuas hati dengan pemberian sedia ada yang disifatkan cukup melegakan.

"Dalam negara menghadapi situasi ketidakstabilan ekonomi, kami tidak mahu membentangkan kerajaan dengan pelbagai permintaan.

"Cukuplah agar kerajaan dapat meneruskan pemberian insentif sedia ada antaranya elaun sara hidup, skim subsidi diesel dan petrol, bantuan peralatan di samping perumahan untuk warga nelayan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Mat Yassin, rata-rata nelayan bersyukur dengan pengumuman kerajaan menai-



MAT YASSIM MOHAMED

kan semula kadar elaun sara hidup daripada RM250 kepada RM300 sebulan baru-baru ini bagi mengurangkan beban golongan itu yang terjejas akibat Covid-19.

Katanya, ketika ini terdapat kira-kira 10,000 nelayan di Terengganu.

Sementara itu seorang peniaga, **Wan Mohd. Ramzi Wan Jaafar** meminta kerajaan memberi perhatian terhadap isu harga sewa premis yang melam-

bung tinggi hingga membebankan kalangan individu yang baharu berjinak-jinak dalam perniagaan.

Katanya, usaha kerajaan mengawal harga sewa premis secara tidak langsung melegakan kalangan peniaga untuk terus bernafas dan menjana pendapatan dalam situasi Covid-19 yang penuh mencabar.

"Ada dalam kalangan pengusaha dan pemilik bangunan meletakkan harga sewa terlalu tinggi hingga membebankan peniaga yang kebanyakannya belia.

"Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan mengawal harga sewa premis bagi membolehkan lebih ramai yang kehilangan pekerjaan menceburi bidang perniagaan sebagai mata pencarian tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata," katanya.

Bagi penduduk, **Nursyasya Madhahirah Zabidi**, 25, pembe-rian Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memberi manfaat besar kepada golongan sasaran perlu ditingkatkan.

16/10/2020

UTUSAN

DALAM

33

MALAYSIA

NEGERI

Pesawah, petani mahu lebih bantuan

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

urusannews@mediamulla.com.my

ROMPIN: Penularan pandemik Covid-19 menyebabkan golongan petani menghadapi pelbagai cabaran bukan sahaja tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian yang tinggi malah terpaksa menanggung kerugian.

Sehubungan itu, mereka menaruh harapan tinggi dan merayu kerajaan agar memberikan peruntukan lebih besar dan signifikan bagi membantu golongan terabit yang terjejas dalam pembentangan belanjawan tidak lama lagi.

Seorang pesawah, **Halijah Dahlan**, 61, berkata, musibah yang melanda akibat pelbagai isu pada masa ini begitu membebankan mereka yang hanya bergantung kepada hasil pertanian.

Halijah yang mengusahakan sawah di Paya Sepayang berkata, akibat pelbagai masalah khu-



HALIJAH DAHLAN

susnya, padi angin menyebabkan dia kini buntu untuk mencari modal selepas mengalami kerugian besar.

"Saya tidak tahu lagi apa yang hendak dilakukan kerana saya rugi besar pada tuaian kali ini, hendak daparkan modal pun tidak cukup, malah terpaksa menggadai barang kemas pun belum tentu cukup.

"Jadi, saya harap ada bantuan



ZULMIZAN ZAINI

dapat disalurkan dari semasa ke semasa kepada pesawah-pesawah yang berhadapan dengan pelbagai masalah dan bebanan berterusan," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, seorang pesawah, **Zulmizan Zaini**, 42, berkata, dia berharap peruntukan yang signifikan dapat disediakan bagi membantu pesawah padi mendapat hasil yang baik



MAHATHIR ISHAK

melalui penambahbaikan frastuktur pertanian.

Selain itu katanya, bantuan-bantuan lain seperti racun dan jentera termasuklah subsidi juga perlu diperhebatkan lagi memandangkan pesawah kini berdepan pelbagai cabaran yang tidak pernah habis.

"Pada masa ini sudah ramai golongan muda kembali dan mengusahakan sawah, sepa-

tunya pihak terbabit dapat memberi perhatian bagi membantu mereka dan menggalakan lebih ramai golongan muda melibatkan diri dalam pertanian.

"Kami juga berharap selain pelbagai bantuan kerajaan juga dapat memastikan petani tidak terbeban dengan potongan jualan yang tinggi, saya khuatir trend ini apabila subsidi dan bantuan ditambah potongan jualan pun meningkat, jadi ia sama sahaja tidak membantu," katanya.

Sementara itu, petani, **Mahathir Ishak**, 50, berkata, dia yang baru kira-kira setahun menumpukan perhatian kepada penanaman sayur amat memerlukan bantuan dan sokongan berterusan.

Justeru dia berharap bantuan insentif kepada petani baharu dan bantuan kewangan sert. infrastruktur dapat disalurkan bagi membantunya merealisasikan hasrat menjadi seorang petani yang berjaya.

Pesawah 'gadai harta' mulakan penanaman

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

utusannews@mediamula.com.my

ROMPIN: Pelbagai masalah termasuk padi angin dan penyakit menyebabkan rata-rata pesawah di Paya Sepayang di sini terbeban apabila tiba musim penanaman baharu bulan ini.

Pesawah ketika ini mencongak modal yang ada dan terpaksa 'mengorek tabung' atau mengadai barang kemas untuk memulakan penanaman padi.

Pesawah, **Halijah Dahlan**, 61, berkata, dia begitu terkesan kali ini apabila benih padi sah yang ditanamnya ditumbuhi padi angin hingga menyebabkannya mengalami kerugian besar.

"Padi angin menyebabkan terdapat sawah saya hanya dapat hasil dua tan metrik dan saya terpaksa menanggung kerugian. Saya terpaksa gadai barang kemas untuk musim baharu, tapi belum cukup.

"Jadi, saya dan pesawah lain amat mengharapkan sedikit bantuan diberikan kepada kami, kalau dapat bantuan benih, dapat meringankan beban kami," katanya kepada *Utusan Malay-*



HALIJAH DAHLAN

sia di sini.

Menurut Halijah, dia yang sentiasa menggunakan benih padi sah tidak pasti mengapa pada musim kali ini hampir 80 peratus kawasan sawahnya seluas 7.2 hektar ditumbuhi padi angin.

Dalam pada itu seorang pesawah, **Mohd. Kamal Abdul Rahman**, 50, berkata, dia yang menggunakan benih padi 'kebal' CI2 juga begitu terkesan apabila banyak padi angin yang tumbuh.

Dia berharap pihak berkenaan dapat menyalurkan bantuan kerana benih padi dan racun yang tidak berkualiti menyumbang masalah kepada petani.



ZULMIZAN ZAINI

"Saya lihat faktor benih mungkin menjadi antara faktor utama. Kita petani bekerja keras, jadi kita hendakkan gaji untuk makan tetapi kita terus terbeban apabila mengalami kerugian," katanya.

Sementara itu seorang lagi pesawah, **Zulmizan Zaini**, 42, berkata, pesawah terus menghadapi pelbagai cabaran termasuk masuk racun-racun yang mahal tetapi kurang berkesan.

"Racun di pasaran ada yang sudah 15 tahun tak pernah ditambah baik, saya ada guna racun yang sudah tidak ada tindakan balas, jadi bantuan racun juga amat membantu petani," katanya.

Pesawah tidak dapat tuntutan ganti rugi

ALOR SETAR: Golongan pesawah petani terpaksa menanggung kerugian apabila benih padi yang dibekalkan tidak berkualiti dan memperoleh hasil yang rendah.

Pihak syarikat pengeluar benih padi di negeri ini pula selama ini tidak memberi jaminan akan membayar ganti rugi sekiranya benih padi yang dibekalkan itu tidak berkualiti.

Che Ani Md. Zain, 62, dari Kampung Permatang Mahang, Air Hitam di sini berkata, pesawah selama ini tidak pernah diberi jaminan oleh kerajaan atau pembekal benih padi untuk membayar ganti rugi sekiranya pesawah dibekalkan benih padi tidak berkualiti.

Katanya, kerugian tersebut terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh pesawah tanpa dipedulikan oleh syarikat pengeluaran padi.

"Saya pernah membeli benih sebanyak 20 guni tetapi dianggarkan kira-kira 14 guni padi sahaja yang boleh ditabur manakala yang lain rosak.

"Apabila saya merujuk kepada agensi berkenaan, mereka memaklumkan tidak ada bayaran ganti rugi," katanya di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, Mazli Masa, 55, dari Padang Nyior, Padang Terap di sini pula berkata, dia telah menjadi pesawah sejak 20 tahun, namun belum pernah mendapat sebarang ganti rugi daripada agensi atau syarikat pembekal sekiranya benih padi diterima tidak berkualiti.

"Perkara itu pernah dirujuk kepada syarikat pembekal tetapi mereka hanya memberi alasan tidak mengetahui kualiti benih padi yang dibekalkan.

"Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta syarikat pembekal benih padi dapat membayar ganti rugi kepada pesawah sekiranya tanaman padi yang diusahakan tidak menghasilkan hasil," katanya.

Jamaludin Mahmud, 64, dari Kampung Berhala, Padang berkata, kerajaan perlu mewujudkan undang-undang baharu untuk membolehkan pesawah mendapatkan ganti rugi sekiranya benih padi yang dibekalkan rosak.

"Pada masa ini, kami golongan pesawah teraniaya apabila tidak mendapat pembelaan sewajarnya berkaitan masalah tersebut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2020	THE STAR	AGROBANK	11

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 500801010522 (6116104)



Celebrating

World

Food Day

The COVID-19 crisis makes us appreciate things that some may take for granted and many go without: **FOOD**.

The crisis provides an opportunity to reflect on the things we truly cherish and our most basic needs.



This year, on **World Food Day** (16 October), let's celebrate our food heroes - the farmers and many others along the agricultural or food value chain, who have worked tirelessly to bring food from the farm to the table.

Agrobank salutes these unsung food heroes for their tireless contribution to ensure our food security. We are proud to support their dreams by financing their agribusinesses. Our financing is available across the full value chain of agriculture; from small businesses to SME and corporate.

For financial support of your agribusiness, talk to us today!

Tel: 1-300-88-2476 (LOCAL) Email: customer@agrobank.com.my



Agrobank Headquarters, Leboh Pasar Besar, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Aktiviti bertani hilangkan bosan

SAUDARA PENGARANG,

Di sebalik kerisauan peningkatan kes Covid-19 dan saranan untuk kekal duduk di rumah, ramai mengeluh apabila aktiviti harian mereka terpaksa dihadkan.

Jangan risau, duduk di rumah tidak bermakna seseorang akan bosan jika bijak mengambil peluang dengan melakukan pelbagai aktiviti.

Aktiviti yang semakin mendapat perhatian adalah pertanian bandar seperti menanam pokok bunga termasuk kaedah hidroponik bagi mereka yang tinggal di pangsapuri.

Antara sayuran dan buah-buahan yang boleh ditanam adalah selada, tomato, bayam dan daun bawang dengan penggunaan air

yang minimum.

Bukan itu sahaja, kos untuk memulakan tanaman ini juga jauh lebih jimat dan mudah dijumpai seperti menggunakan barangan kitar semula.

Selain mengisi waktu terluang, aktiviti ini juga boleh menjimatkan wang kerana tidak lagi perlu ke pasar raya untuk membeli sayur atau buah.

Bahkan, tanaman hijau ini boleh mengubah sudut rumah menjadi lebih bernyawa dan menyenangkan pandangan.

Bagi yang berminat, boleh juga menonton video-video berkaitan dalam YouTube.

MAZLINDA YUSUF

Bukit Tinggi, Klang